

25/09/1997

Jerebu beri peluang warga asing

KUCHING, Rabu - Darurat jerebu di Sarawak sejak Jumaat lalu, memberi peluang kepada beberapa warga asing yang bekerja di pelbagai syarikat swasta di sini, melawat tempat menarik di sekitar bandar raya ini.

Menurut mereka, inilah masa terbaik untuk melihat negeri orang, tidak kurang juga yang menggunakan kesempatan itu bagi mengabadikan kenangan mereka ketika di sini dengan merakam gambar di tempat yang dikunjungi.

Seorang warga Bangladesh, Hussain Ali, 29, yang bekerja memasang paip dengan sebuah syarikat di sini, berkata sejak arahan darurat oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau dan rakan-rakannya berpeluang melawat hampir semua tempat menarik di sini.

Beliau berkata, antara tempat yang dikunjungi ialah Tebingan Kuching, Pasar Minggu Satok, Muzium Sarawak dan Muzium Islam.

Katanya, walaupun sudah hampir setahun berada di sini, namun peluang untuk berkunjung ke tempat menarik tidak ada.

"Bagaimanapun, sejak Jumaat lalu, saya mempunyai banyak masa untuk melawat dan merasai pelbagai juadah yang di sini," katanya ketika ditemui di sebuah kedai gambar di sini.

Jumaat lalu, Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dalam fakta mengenai darurat jerebu, mengarah semua pejabat kerajaan dan swasta, termasuk kilang, ladang, tapak binaan dan kuari ditutup.

Pengecualian hanya diberikan kepada kedai menjual barangan makanan dan minuman, pasar raya, klinik, farmasi, kedai ubat dan perkhidmatan perlu.

Tindakan kerajaan menutup semua sekolah dan jabatan, agensi kerajaan serta syarikat swasta berikutan jerebu yang melanda negeri boleh memudaratkan kesihatan.

Sementara itu, pemilik sebuah kedai gambar di sini yang hanya mahu dikenali sebagai Goh berkata, sejak Jumaat lalu, setiap hari sekurang-kurangnya 50 pekerja Bangladesh mencuci gambar di kedainya.

"Kebanyakan gambar mereka diambil di kawasan Tebingan Kuching, taman bunga muzium, Tugu Pahlawan, perkarangan Muzium Sarawak dan Muzium Kucing," katanya.

(END)